

Pelajar UMSKAL didedah dengan kesedaran gangguan seksual

UB 15.06.2024 P.06

LABUAN: Kira-kira 25 pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menghadiri program Kesedaran Gangguan Seksual di Bilik Eureka, UMSKAL pada Jumaat.

Program itu dianjurkan oleh Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRSKAL) diketuai Mohd Hanif Mohd Fadzil selaku Pengarah Program Kes-

edaran Gangguan Seksual.

Program dua jam itu menampilkan dua ahli panel, iaitu Ketua Siasatan/Perundangan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Labuan, ASP Fransisca Duliat dan Pegawai Psikologi, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan, Maslia Kaman.

Turut hadir Pembantu Tadbir Kanan, Noreffaizza Jali

yang mewakili Ketua Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Nur Iman Reedzal yang juga Pegawai Psikologi Kanan, Pembantu Tadbir, Norfaizah Wahiddan Timbalan Pengarah Program Kesedaran Gangguan Seksual, Nurul Qurratul Ain Yuszaimie.

Gangguan Seksual merupakan perlakuan berunsur seksual yang tidak diingini sama ada

secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal atas sebab munasabah setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras berasa tersinggung, terhina atau terugut.

Antara kesan gangguan seksual kepada mangsa ialah kurang keyakinan diri, perubahan tingkah laku, kurang berinteraksi, sukar mempercayai

orang lain dan sukar bekerja dalam kumpulan.

Selain itu, risiko kesihatan mental, kemurungan dan risiko kesihatan fizikal.

Tidak dapat fokus dalam pekerjaan, tingkat prestasi menurun, menurunkan motivasi kerja dan berkecenderungan berhenti kerja.

Ahli panel berkata semua pihak mempunyai peranan dan

tanggungjawab masing-masing dalam membanteras gangguan seksual.

Antaranya sebagai individu jangan takut untuk tampil membuat laporan dan peka dengan rakan-rakan di sekeliling.

Ibu bapa pula perlu memberikan pendidikan awal kepada anak-anak mengenai pendidikan seksual (sentuhan

selamat dan sentuhan tidak selamat).

Komuniti pula perlu mendapat pendidikan dan kesedaran menerusi promosi program berkaitan gangguan seksual.

“Masyarakat wajah bergiat aktif dalam program komuniti dan cakna dengan isu semasa manakala kerajaan menguat kuasa undang-undang,” katanya.



PELAKSANA: AJK Program Kesedaran Gangguan Seksual bersama ahli panel.



TETAMU: Noreffaizza (tiga kiri) bersama Fransisca (tigakanan), Maslia (dua kiri), Mohd Hanif (kiri) dan Nurul Qurratul (kanan).



PANTAS: Pemenang kuiz menerima hadiah daripada Noreffaizza (tiga kanan).



KENANGAN: Fransisca (empat kanan), Maslia (tiga kanan), Noreffaizza (dua kanan) dan Mohd Hanif (tiga kiri) bersama pelajar yang menghadiri program Kesedaran Gangguan Seksual di UMSKAL.